

Pas Selangor buat pertukaran kerusi PKR, DAP
Utusan Online
27 April, 2012

SHAH ALAM 27 April - Pas Selangor dijangka membuat beberapa pertukaran kerusi di antara Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP di negeri ini dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 akan datang.

Timbalan Pesuruhjaya III Pas negeri, Khalid Abdul Samad berkata, pertukaran itu akan dibuat atas dasar 'suka sama suka' melibatkan beberapa kerusi di Selangor bagi membolehkan Pas meletakkan calonnya di kawasan yang diyakini boleh menang.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan pertukaran kerusi itu sama ada melibatkan kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN). - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0427&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_09.htm